

Arahan : Jawab semua soalan pada ruang yang disediakan.

1. Antara yang berikut, yang manakah betul tentang struktur kawalan ulangan WHILE?
- A. Bilangan ulangan dikawal oleh pembilang
 - B. Bilangan ulangan ditentukan sama ada syarat dipenuhi atau tidak
 - C. Berhenti apabila pembilang sudah cukup

Jawapan

2. Yang manakah benar tentang ralat logik *
- A. disebabkan oleh perisian hasad(malware)
 - B. kesilapan dalam menggunakan operator dalam rumus pengaturcaraan
 - C. ada paparan mesej ralat
 - D. kesilapan menggunakan pembolehubah

Jawapan

3. Amira menulis pseudokod untuk satu atur cara penyelesaian masalah. Semasa fasa pengujian, Amira mendapati output yang dihasilkan tidak seperti yang diinginkan. Apakah jenis ralat yang dikesan? *


- A. Ralat masa larian
- B. Ralat sintaks
- C. Ralat logik
- D. Ralat pengekodan

Jawapan

4. Apakah persamaan struktur kawalan pilihan for dan while?
- A. Pernyataan syarat diuji sebelum pernyataan berulang dilaksanakan.
 - B. Bilangan ulangan ditetapkan
 - C. Bilangan ulangan tidak diketahui dan ditentukan sama ada syarat dipenuhi atau tidak
 - D. Berhenti secara tiba-tiba

Jawapan


5. Apakah output bagi struktur kawalan ulangan berikut :



- A. 1 2 3 4 5
- B. 1 2 3 4
- C. 1 2 3
- D. 0 1 2 3

Jawapan

6. Algoritma ialah satu siri langkah untuk menyelesaikan suatu masalah. Dalam rajah berikut, apakah yang diwakili x?



- A. Pseudokod
- B. Algoritma
- C. Input
- D. Output

Jawapan

7. Antara yang berikut, yang manakah betul tentang struktur kawalan ulangan FOR?
- A. Bilangan ulangan adalah ditetapkan.
 - B. Bilangan ulangan ditentukan sama ada syarat dipenuhi atau tidak
 - C. Bilangan ulangan tidak diketahui

Jawapan

8. Apabila menggunakan struktur kawalan pilihan bersarang, kenyataan "Jika" mesti diakhiri dengan _____
- A. Tamatkan
 - B. Tamat
 - C. Tamat selagi
 - D. Tamat jika

Jawapan


9. Pernyataan yang manakah benar tentang struktur kawalan pilihan bersarang?
- A. struktur kawalan yang tidak mempunyai apa-apa pilihan
 - B. struktur kawalan yang berulang
 - C. satu struktur kawalan yang terbenam dalam satu struktur kawalan yang lain
 - D. struktur kawalan tidak mempunyai struktur kawalan ulangan di dalamnya

Jawapan

10. Apakah algoritma? *
- A. Satu carta alir yang digunakan untuk menulis pseudokod
 - B. Satu siri langkah untuk menyelesaikan masalah
 - C. Satu storan ingatan untuk kegunaan komputer
 - D. Satu kod arahan yang digunakan oleh computer

Jawapan

11. Berdasarkan algoritma tersebut, apakah terjadi jika pengguna menaip nombor nombor = 0?



- A. nombor akan ditambah sehingga pengguna menaip nombor >0
B. output memaparkan nilai negatif
C. output memaparkan nilai "0" dan aturcara tamat
D. output 1

Jawapan

12. Yang manakah BUKAN jenis ralat?

- A. Ralat masa larian
B. Ralat betul
C. Ralat sintaks
D. Ralat logik


Jawapan

13. Yang manakah benar tentang ralat sintaks dalam algoritma?

- A. ouput yang tidak diinginkan
B. aturcara berhenti tiba-tiba
C. memori yang tidak mencukup
D. kesilapan dalam bahasa pengaturcaraan

Jawapan


14. Satu algoritma pilihan bersarang dicipta untuk mengambil kerani pekerja syarikat ABC. Syarat kelayakan adalah berumur 21 tahun dan ke atas serta calon hendaklah seorang perempuan. apakah syarat yang betul perlu diletakkan ke dalam ruangan X dan Y tersebut?



- A. x : umur ≥ 21 , y : jantina == lelaki
- B. x : umur ≥ 21 , y : jantina == perempuan
- C. x : umur < 22 , y : jantina == perempuan
- D. x : umur > 21 , y : jantina == perempuan

Jawapan


15. Apakah jenis struktur kawalan yang digunakan dalam rajah di bawah?



- A. Struktur kawalan ulangan For
- B. Struktur kawalan pelbagai pilihan
- C. Struktur kawalan ulangan While
- D. Struktur kawalan pilihan bersarang

Jawapan

16. Nyatakan output yang terhasil sekiranya $m = 12$.



- A. 13
- B. 20
- C. 5
- D. Tiada output

Jawapan

17. Struktur kawalan ulangan terdiri daripada satu set langkah atau arahan yang sentiasa berulang sehingga suatu syarat dipenuhi. Set langkah yang berulang disebut _____ manakala setiap ulangan gelung disebut _____

- A. Gelung (loop), kejadian
- B. Gelung (loop), lelaran (iteration)
- C. Terbenam , kejadian
- D. Terbenam, lelaran (iteration)


Jawapan

18. Struktur kawalan pilihan yang terbenam dalam struktur kawalan pilihan yang lain disebut

- A. struktur kawalan pilihan bersarang
- B. struktur kawalan ulangan
- C. struktur kawalan dwipilihan
- D. struktur kawalan pelbagai pilihan

Jawapan


19. Apakah jenis struktur kawalan yang digunakan dalam rajah di bawah?



- A. Struktur kawalan pelbagai pilihan
- B. Struktur kawalan dwipilihan
- C. Struktur kawalan pilihan bersarang
- D. Struktur kawalan jujukan

Jawapan


20. Pilih pernyataan yang betul bagi gambarajah tersebut



- A. Pelanggan boleh membeli Sushi lebih dari satu kali.
- B. Pelanggan boleh keluar dari kedai sekiranya tiada Sushi
- C. Pelanggan boleh membeli Sushi jika syarat pertama dipenuhi.
- D. Pelanggan tidak membeli apa-apa

Jawapan

21. Apakah jenis struktur kawalan yang digunakan dalam rajah di bawah? *



- A. Struktur kawalan pilihan bersarang
- B. Struktur kawalan ulangan For
- C. Struktur kawalan ulangan While
- D. Struktur kawalan pelbagai pilihan


Jawapan

22. Ralat selalunya boleh dikenal pasti dalam fasa _____

- A. menulis pseudokod
- B. pengujian
- C. melukis carta alir
- D. pengekodan

Jawapan


23. Jika aturcara tersebut ingin memaparkan nombor 10 hingga 5, apakah sepatutnya diisi dalam ruangan x dan y? *



- A. x : $a > 5$ dan y : $a = a + 5$
- B. x : $a > 4$ dan y : $a = a - 5$
- C. x : $a \geq 5$ dan y : $a = a + 5$
- D. x : $a > 5$ dan y : $a = a - 5$

Jawapan

24. Algoritma gelung while tersebut mengandungi ralat. Jika paparan output yang dikehendaki ialah 6 , 8, 10. syarat yang manakah betul untuk menggantikan ralat dalam algoritma tersebut?



- A. $a < 10$
- B. $a > 10$
- C. $a == 10$
- D. $a \leq 10$

Jawapan

